



SELESAIKAN MASALAH

Jadual menunjukkan bilangan pengunjung ke tiga tempat tarikan pelancong.

Tempat	Taman buaya	Taman tema air	Taman rama-rama
Bilangan	30 819	31 450	29 675



Jumlahkan bilangan pengunjung paling banyak dan bilangan pengunjung taman rama-rama. Bundarkan jawapan kepada ribu terdekat.

Jawapan:

A 31 450

B 29 675

C 61 125

D 61 000

2

Bella ada lapan kad nombor seperti di bawah.

1 473

1 463

1 468

1 448

1 458

1 453

1 478

1 488

Dia perlu menyusun semua kad nombor genap mengikut pola nombor tertib menaik. Apakah nombor kelima dalam pola nombor itu?

Jawapan:

A 1 448

B 1 468

C 1 478

D 1 488

3

Jadual menunjukkan bilangan kereta di atas jalan raya di Perlis pada tahun 2013, 2014 dan 2015.

Tahun	2013	2014	2015
Bilangan kereta	71 505	3 075 lebih daripada tahun 2013	2 925 lebih daripada tahun 2014

Sumber: http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-kenderaan-di-atas-jalan-raja-mengikut-negeri/resource/f0dffdea-354b-416a-90b2-b6ca471e603c

Berapakah bilangan kereta di atas jalan raya di Perlis pada tahun 2015?

Jawapan:

A 6 000

B 74 430

C 74 580

D 77 505

- 4 Bersempena dengan kempen pemuliharaan alam sekitar, sejumlah 27 600 anak pokok bakau ditanam di daerah R, S dan T. Daerah R dan S masing-masing ditanam 17 930 dan 8 752 anak pokok bakau. Berapakah anak pokok bakau yang ditanam di daerah T?



Jawapan:

- A 918 B 8 752 C 9 670 D 17 930

- 5 Pekerja ibu Aina menyediakan 10 500 bungkus pulut mangga bersempena dengan pesta makanan. 9 420 bungkus pulut mangga telah dijual. Selepas itu, 780 bungkus lagi pulut mangga disediakan. Berapakah bungkus pulut mangga yang ada sekarang?



Jawapan:

- A 11 280 B 1 080 C 1 860 D 9 720

- 6 Bersempena dengan temasya sukan peringkat daerah, 13 buah sekolah masing-masing menghantar 24 orang peserta untuk menyertai beberapa acara sukan. Kira jumlah peserta yang terlibat.



Jawapan:

- A 312 B 37 C 24 D 13